The objective is to develop and conduct Beneficiary Satisfaction Survey to determine customer satisfaction towards programs conducted and identify suggestions for new developments. In order to ascertain the annual rate of beneficiaries satisfaction is constantly increasing, a target growth of 3/5 achievement which is 60%, has been set.

For Beneficiaries Satisfaction Rating Form - The scores for 4 quarters of Year 2021 have all exceeded the target setting viz., 75.5% in the 1st quarter, 98.4% in 2nd quarter, 98.6% in 3rd quarter and 99.98% in 4th quarter respectively.



JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT

LET'S READ TOGETHER FOR 10 MINUTES



Program JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT/LET'S READ TOGETHER FOR 10 MINUTES mula diperkenalkan dari tahun 2014 hasil inisiatif Majlis Pengarah- pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia. Program ini merupakan langkah membentuk masyarakat ke arah minat membaca walaupun dimulai dalam tempoh yang singkat (10 minit), ia juga sokongan daripada perpustakaan awam negeri bersama-sama kerajaan meningkatkan tabiat atau budaya membaca di kalangan masyarakat. Program ini telah dilaksanakan pada 22 APRIL 2021 (KHAMIS) bermula jam 11.00 pagi secara maya dengan konsep berhenti sebentar dan membaca selama 10 minit.

JOM BACA BERSAMA UNTUK 10 MINIT/ LET'S READ TOGETHER FOR 10 MINUTES programme was introduced in 2014 as an initiative from the Majlis Pengarah- Pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia. This programme is one of the ways of shaping the community on interest towards reading starting in a short period of time for 10 minutes. It is also a support programme from the state public libraries and government to increase the habit or culture of reading among public. This program was launched on 22nd of April 2021 (Thursday) starting at 11:00 am virtually with the concept of allowing brief pause for 10 minutes of reading.

WORLD QURAN HOUR 2021

World Quran Hour telah diadakan secara maya pada 6 Mei 2021 bersamaan dengan 24 Ramadan 1442H bermula pada pukul 11:00 pagi sehingga 1:00 petang di laman Facebook Pustaka Negeri Sarawak. Program World Quran Hour terbuka kepada semua peringkat umur. Seramai 5,846 peserta yang terlibat pada tahun 2021. Antara aktiviti yang telah dijalankan untuk program sehari tersebut adalah (1) sesi bacaan Al- Quran Surah Al- Mulk oleh Encik Hadi bin Mohd Sharkawi (Johan Tilawah Al- Quran Negeri Sarawak 2020), (2) Tadabbur Surah Al- Mulk oleh Ustaz Husaini Bin Hamdan dan (3) Persembahan Qasidah Ramadhan oleh Ustaz Mohd Safwan bin Mahli, Encik Hadi Bin Mohd Sharkawi dan Encik Ahmad Mukhlis Bin Yahya.

World Quran Hour 2021 was held virtually on 6th May 2021 equivalent to 24 Ramadan 1442H. It started from 11:00 a.m. till 1:00 p.m. broadcast live through Pustaka Negeri Sarawak's Facebook page. The participation was opened to all ages. A total of 5,846 viewers took part in the event in year 2021. Activities carried out included; (1) the Recitation of Surah Al-Mulk by Encik Hadi bin Mohd Sharkawi (Winner of Tilawah Al-Quran Negeri Sarawak 2020), (2) Tadabbur Surah Al - Mulk by Ustaz Husaini Bin Hamdan, and (3) Qasidah Ramadhan by Ustaz Mohd Safwan bin Mahli, Encik Hadi Bin Mohd Sharkawi and Encik Ahmad Mukhlis Bin Yahya.



VIRTUAL SARAWAK CHILDREN'S FESTIVAL 2021



Sarawak Children's Festival was held virtually for three days, on 29th, 30th and 31st of October 2021 which was broadcasted live from 10:00 am till 5:00 pm on Pustaka Negeri Sarawak's Facebook page and YouTube. The Sarawak Children's Festival 2021 was opened to all children ages 4 to 12 years old. There were nine spaces for the program namely Storyspace, Marketspace, Linguisticspace, Makerspace, Gastro-space, Artisticspace, specialneed space, gamespace and Performancespace. Activities in the event included storytelling sessions by foreign and local storytellers, science and technology activities, children's performance, quizzes and many other interesting activities during the 3-day event.

Sarawak Children's Festival telah diadakan secara maya selama tiga hari iaitu pada 29, 30 dan 31 Oktober 2021 bermula pada pukul 10:00 pagi sehingga 5:00 petang di laman Facebook dan YouTube Pustaka Negeri Sarawak. Sarawak Children's Festival terbuka kepada kanak-kanak berusia 4 tahun hingga 12 tahun. Terdapat Sembilan (9) spaces yang telah terlibat dalam program besar ini, iaitu Storyspace, Marketspace, Linguisticspace, Makerspace, Gastro-space, Artisticspace, specialneed space, gamespace dan Performancespace. Antara aktiviti yang telah dijalankan untuk program tersebut adalah sesi bercerita oleh pencerita dari luar negara dan dalam negeri, aktiviti sains dan teknologi, persembahan oleh kanak-kanak, pertandingan kuiz dan banyak lagi aktiviti menarik yang telah diadakan pada tiga hari tersebut



PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DALAM TALIAN DAN E-PEMBELAJARAN

ONLINE INFORMATION LITERACY AND E-LEARNING PLATFORM PROGRAMMES



Oleh kerana COVID-19, kebanyakan program Literasi Maklumat dalam bentuk fizikal dihentikan sementara, namun Pustaka melaksanakan lebih banyak program Literasi Maklumat secara dalam talian. Ini termasuk PANDei OpenLearning, e-Tourism OpenLearning, Reading Seeds OpenLearning, latihan pangkalan data dalam talian dan Webinar Literasi Maklumat dalam talian serta kursus-kursus literasi digital yang baharu untuk membantu golongan dewasa dalam meningkatkan kemahiran literasi digital mereka, serta program-program untuk golongan warga emas agar mereka kekal aktif serta dilengkapi dengan kemahiran literasi digital.

While physical face-to-face Literacy programmes were suspended due to COVID-19 pandemic, Pustaka had organised online programmes. These included the popular PANDei OpenLearning, e-Tourism OpenLearning, Reading Seeds OpenLearning, online database training and online Information Literacy Webinar as well as the new digital literacy courses in order to assist adults developing digital literacy skills and programmes in keeping senior citizens actively engaged with digital literacy.

JUMLAH PENERIMA MANFAAT BAGI PROGRAM LITERASI MAKLUMAT DALAM TALIAN DAN OPEN LEARNING 2021

TOTAL NUMBER OF ONLINE INFORMATION LITERACY AND OPEN LEARNING BENEFICIARIES PROGRAM 2021

19,462

PROGRAM USAHASAMA KOMUNITI GO DIGITAL ASEAN: KETERANGKUMAN DIGITAL 2021

THE COMMUNITY PARTNERSHIP WITH GO DIGITAL ASEAN: DIGITAL INCLUSIVITY PROGRAM 2021

Pustaka Negeri Sarawak dengan kerjasama program regional Go Digital ASEAN di Malaysia, Startup Malaysia dan International Youth Centre (IYC), telah melaksanakan Program Inklusiviti Digital pada tahun 2021.

Inisiatif Go Digital ASEAN bertujuan untuk menutup jurang digital di seluruh ASEAN, selaras dengan visi yang ditetapkan oleh ASEAN Coordinating Committee on Micro, Small and Medium Enterprises (ACCMSME).

Dilaksanakan oleh The Asia Foundation (TAF), dengan sokongan dari Google.org, cabang filantropi Google, inisiatif ini akan melatih komuniti dari kawasan luar bandar—termasuk golongan usahawan, penganggur belia dan wanita dengan kemahiran digital.

Di Sarawak, sejumlah 1,857 peserta yang terdiri dari golongan belia dan wanita telah mengikuti program Go Digital ASEAN di 42 buah Pusat Komuniti Digital dibawah seliaan Pustaka Negeri Sarawak dan Kementerian Kerajaan Tempatan & Perumahan Sarawak serta 38 buah Perpustakaan Desa (Perpustakaan Negara Malaysia).

Kandungan Latihan modul ePembelajaran Go Digital ASEAN ini merupakan kesinambungan ePembelajaran PANDei (www.openlearning.com/pustakasarakawak/) yang ditawarkan secara percuma oleh Pustaka Negeri Sarawak. Modul-modul Projek Go Digital ASEAN (Modul Pencari kerja, Modul Usahawan Sedia Ada dan Modul Bakal Usahawan) kini boleh diakses secara PERCUMA melalui dalam talian @ <https://www.godigital.my/>


Program ini juga akan menyokong pelbagai inisiatif pemulihan pasca-Covid kerajaan untuk melatih semula belia ke arah mencari peluang ekonomi baharu dan menerima gaya hidup yang lebih digital.

The regional Go Digital ASEAN program in Malaysia, International Youth Centre (IYC), and Startup Malaysia, in collaboration with Pustaka Negeri Sarawak as a Community Partner in Malaysia. Implemented by The Asia Foundation across ASEAN, with support from Google.org, the Go Digital ASEAN initiative focuses on closing the digital gap across ASEAN, in support of the vision set out by the ASEAN Coordinating Committee on MicroSMEs (MSMEs). The Go Digital ASEAN program is designed to equip MSMEs and emerging workforce, particularly those in rural and isolated areas, with digital skills and tools; expand economic opportunity across ASEAN countries; and minimize the negative impact from the Covid-19 crisis.

Pustaka has rolled out the program involving a total of 1,857 youth in Sarawak. This program was held in Sarawak through its 42 Digital Community Centers (DCCs) as well as at the network of the 38 Perpustakaan Desa managed by National Library of Malaysia and Pustaka. The Go Digital ASEAN training content complements the current free eLearning course on Digital Literacy through the PANDei modules implemented by Pustaka at www.openlearning.com/pustakasarakawak

The Go Digital ASEAN (Job Seeker Module, Existing Entrepreneur and Aspiring Entrepreneur) can be access for free at <https://www.godigital.my/>

This program will also support the government's various post-Covid recovery initiatives to re-skill youth towards looking for new economic opportunities and embrace a more digital lifestyle.





KAPASITI ORGANISASI

ORGANISATIONAL CAPACITY

6 AKTIVITI NILAI BERSAMA

6 SHARED VALUES ACTIVITIES

88%

Keseluruhan Indeks untuk survei
'Cultural Rating'
(Shared Values)

Overall Index on Cultural Rating
(Shared Values) Survey



SIKAP KESEGERAAN DAN
SEMANGAT SEPUNYA
SENSE OF URGENCY & BELONGING

25
Program
Programmes

INTEGRITI
INTEGRITY

20
Program
Programmes



BERORIENTASIKAN HASIL
RESULT ORIENTED

21
Program
Programmes



BAIK HATI & PRIHATIN
KIND & CARING

36
Program
Programmes



SEMANGAT BERPASUKAN
TEAM SPIRIT

12
Program
Programmes



PROFESIONALISME
PROFESSIONALISM

16
Program
Programmes






BILANGAN LATIHAN TOTAL NUMBER OF TRAINING

BIL. NO.	BULAN MONTH	BIL. LATIHAN TOTAL TRAINING
1	Jan	13
2	Feb	30
3	March	49
4	Apr	43
5	May	16
6	Jun	54
7	Jul	36
8	Aug	23
9	Sept	30
10	Oct	30
11	Nov	18
12	Dec	4
Jumlah Keseluruhan Overall Total		346


JENIS KURSUS TYPE OF TRAINING



JAM LATIHAN YANG DICAPAI BAGI TAHUN 2021 TOTAL NUMBER OF TRAINING HOURS ACHIEVED IN 2021

KUMPULAN GROUP	BILANGAN TERCAPAI / BILANGAN KAKITANGAN NUMBER ACHIEVE / NUMBER OF STAFF	PERATUSAN PERCENTAGE
Kumpulan Pengurusan (Gred 41 ke atas) 42 jam Management Group (Grade 41 and above) 42 hours	45/46	99.63%
Kumpulan Pelaksana (Gred 27 - 40) 36 jam Implementer Group (Grade 27 - 40) 36 hours	45/49	92.61%
Kumpulan Pelaksana (Gred 1 - 26) 24 jam Implementer Group (Grade 1 - 26) 24 hours	70/91	81.13%

JUMLAH STAF (TETAP) TOTAL STAFF (PERMANENT)



JUMLAH STAF (KONTRAK) TOTAL STAFF (CONTRACT)





ANUGERAH & PENCAPAIAN ORGANISASI

ORGANIZATION ACHIEVEMENTS & AWARDS



**PERINGKAT NEGERI
STATE LEVEL**
Anugerah High Performance Team
(AHPT) :
Tempat Ketiga



**PERINGKAT KEBANGSAAN
NATIONAL LEVEL**
Anugerah Perpustakaan
Paling Aktif Semasa Pandemik
2020- 2022

**PENGHARGAAN
KEPADA RAKAN
KERJASAMA
& RAKAN PINTAR**

**RECOGNITION
TO PARTNERS &
COLLABORATORS**



PENGHARGAAN KEPADA RAKAN KERJASAMA & RAKAN PINTAR

RECOGNITION TO PARTNERS & COLLABORATORS

- ♦ Arkib Negara Malaysia
- ♦ Dewan Bahasa Dan Pustaka, Cawangan Sarawak
- ♦ Dewan Bandaraya Kuching Utara
- ♦ Dewan Undangan Negeri
- ♦ Friend Of Archives
- ♦ Friend Of Library
- ♦ State Services Modernization Unit
- ♦ Institut Pendidikan Guru Kampus Batu Lintang Dan Samarahan
- ♦ Islamic Information Centre
- ♦ Jabatan Kerja Raya (JKR)
- ♦ Jabatan Audit Negara
- ♦ Jabatan Hutan
- ♦ Jabatan Kebajikan Negeri Sarawak
- ♦ Jabatan Ketua Menteri Sarawak
- ♦ Jabatan Pendidikan Sarawak
- ♦ Jabatan Wanita dan Keluarga Sarawak
- ♦ Kumpulan Laman Komuniti Pustaka
- ♦ Ministry of Local Government and Community Development
- ♦ Malaysian Administrative Modernisation and Management Planning Unit (MAMPU)
- ♦ Majlis Pengarah-pengarah Perpustakaan Awam Se-Malaysia (MPAM)
- ♦ Malaysia Productivity Corporation (MPC)
- ♦ Ministry of Education, Science and Technology Research
- ♦ Muzium Sarawak
- ♦ Normah Medical Specialist Centre
- ♦ Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia Cawangan Sarawak
- ♦ Persatuan Bagi Kebajikan Kanak-kanak Terencat Akal Sarawak (PERKATA)
- ♦ Perpustakaan Negara Malaysia
- ♦ Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK)
- ♦ Persatuan Karyawan Sastera Sarawak (PEKASA)
- ♦ Persatuan Penulis Sarawak (Penulis)
- ♦ Persatuan Pustakawan Malaysia (PPM)
- ♦ Pink Aerobik
- ♦ Port Dango
- ♦ Sarawak Craft Council
- ♦ Sarawak General Hospital
- ♦ Sarawak Heritage Society
- ♦ Sarawak Information System Sdn. Bhd. (SAINS)
- ♦ Sarawak Multimedia Authority (SMA)
- ♦ Seditik, Sarawak Economic Development Corporation
- ♦ Semua Media Cetak dan Media Elektronik
- ♦ Setiausaha Kewangan Negeri
- ♦ Setiausaha Kerajaan Negeri
- ♦ Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
- ♦ Swinburne University of Technology, Sarawak
- ♦ Tabung Ekonomi Gagasan Anak Sarawak (TEGAS)
- ♦ Ted X Kenyalang
- ♦ Tun Jugah Foundation
- ♦ University Malaysia Sarawak (UNIMAS)
- ♦ US Embassy Kuala Lumpur
- ♦ University Teknologi Mara (UiTM) Sarawak
- ♦ Unit Audit Dalaman, Jabatan Ketua Menteri
- ♦ Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding, Jabatan Ketua Menteri
- ♦ Unit Sumber Manusia Negeri, Jabatan Ketua Menteri
- ♦ Yayasan Salam
- ♦ Mereka Yang Terlibat Secara Tidak Langsung Dalam Menjayakan Program Dan Aktiviti Pustaka 2021

LAPORAN KEWANGAN FINANCIAL REPORT

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN YANG BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

KANDUNGAN

Bil	Perkara	Muka Surat
1	SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN	1
2	PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB	2
3	PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Pengurusan	3
4	PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN	4
5	LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA	5 - 8
6	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN	9
7	PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF	10
8	PENYATA PERUBAHAN EKUITI	11
9	PENYATA ALIRAN TUNAI	12
10	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN	13 - 36

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

SENARAI AHLI-AHLI LEMBAGA PENGURUSAN

Pengerusi	: YBhg. Tan Sri Datuk Amar (Dr.) Haji Hamid Bugo
Timbalan pengerusi	: YBhg. Datu Laura Lee Ngien Hion
Ahli-ahli lembaga pengurusan	: YBrs. Pn Maizan Bt Ismail Perpustakaan Negara Malaysia
	: YBrs. Dr. Rita Manurung
	: YBrs. Prof. Dr. Shahren Ahmad Zaidi Adruce Universiti Malaysia Sarawak
	: YBhg. Datu William Patrick Nyigor
	: YB Ir. Lo Khere Chiang
Ahli <i>ex-officio</i>	: YBrs. Tuan Haji Ismail Bin Haji Mohd Hanis Pengarah Unit Sumber Manusia Negeri

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PEGAWAI YANG BERTANGGUNGJAWAB

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif : Tuan Haji Japri Bin Bujang Masli
Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif

Alamat Berdaftar : Jalan Pustaka
Off Jalan Stadium
Petra Jaya
93050 Kuching
Sarawak

Juruaudit : Ketua Audit Negara

Bank Utama : RHB (Malaysia) Berhad
Jalan Kulas
93400 Kuching

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengurusan

Kami, TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI HAMID BUGO dan DATU LAURA LEE NGIEN HION yang merupakan pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengurusan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengurusan, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan PUSTAKA NEGERI SARAWAK pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya dan aliran tunai bagi tahun yang berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,

Bagi pihak Lembaga Pengurusan,



TAN SRI DATUK AMAR (DR.) HAJI
HAMID BUGO
Pengerusi
Lembaga Pengurusan

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 01/04/2022



DATU LAURA LEE NGIEN HION
Ahli
Lembaga Pengurusan

KUCHING, SARAWAK.
Tarikh: 01/04/2022


PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Dirubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, JAPRI BIN BUJANG MASLI (670711-13-5087) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan PUSTAKA NEGERI SARAWAK, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya diakui oleh penama di atas di KUCHING, SARAWAK pada.....haribulan.....2022
18 APR 2022



.....

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAAH

Suites B.21 & B.22
Block KJ Courtroom Complex
Jalan Tun Ahmad Zaidi Anwar
93100 Kuching



SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN PUSTAKA NEGERI SARAWAK BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak. Penyata Kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Pustaka Negeri Sarawak dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 9 hingga 36.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Pustaka Negeri Sarawak pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995 dan keperluan Sarawak State Library Ordinance, 1999.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan International Standards of Supreme Audit Institutions. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Pustaka Negeri Sarawak dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan International Standards of Supreme Audit Institutions.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengurusan Pustaka Negeri Sarawak bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengurusan Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengurusan bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS), The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995 dan Sarawak State Library Ordinance, 1999. Lembaga Pengurusan juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak, Lembaga Pengurusan bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Pustaka Negeri Sarawak untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan

dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.


Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut International Standards of Supreme Audit Institutions, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Pustaka Negeri Sarawak;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengurusan;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengurusan dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Pustaka Negeri Sarawak sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Pustaka Negeri Sarawak tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan
- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Pustaka Negeri Sarawak, termasuk pendedahannya, dan sama ada Penyata Kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urusniaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Lembaga Pengurusan telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengurusan, Pustaka Negeri Sarawak berdasarkan keperluan The Statutory Bodies (Financial and Accounting Procedure) Ordinance, 1995 serta Sarawak State Library Ordinance, 1999 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(THOMAS ANAK PAUL BILUN)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA

KUCHING, SARAWAK
TARIKH: 16 AUG 2022



PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN PADA 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
Aset Bukan Semasa			
Loji dan peralatan	7	48,052,833	45,616,257
Aset Semasa			
Tunai dan kesetaraan tunai	8	73,843,018	63,471,050
Pelaburan jangka pendek	9	38,350,954	37,360,472
Penghutang dan prabayar	10	761,774	874,153
Jumlah Aset Semasa		112,955,746	101,705,675
Jumlah Aset		161,008,579	147,321,932
Ekuiti			
Lebihan terkumpul		45,175,622	36,804,611
Rizab modal		283	283
Jumlah Ekuiti		45,175,905	36,804,894
Liabiliti Bukan Semasa			
Manfaat pekerja	13	340,632	334,921
Liabiliti Semasa			
Pemiutang	11	3,756,796	5,960,805
Geran Kerajaan Negeri	12	111,372,545	103,672,700
Percukaian		362,701	548,612
Jumlah Liabiliti Semasa		115,492,042	110,182,117
Jumlah Liabiliti		115,832,674	110,517,038
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		161,008,579	147,321,932

Nota-nota pada muka surat 13 – 36 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
Hasil kendalian	14	104	60
Lain-lain hasil	15	1,499,781	2,255,920
Geran Kerajaan Negeri	16	42,881,064	42,351,247
Kos pekerja	17	(12,989,527)	(12,341,211)
Susut nilai	7	(1,300,937)	(1,087,805)
Lain-lain kos operasi	18	(21,351,373)	(20,195,887)
Keuntungan Sebelum Cukai		<u>8,739,112</u>	<u>10,982,324</u>
Percukaian	19	(362,701)	(988,666)
Keuntungan Bersih Pada Tahun Semasa		<u><u>8,376,411</u></u>	<u><u>9,993,658</u></u>

Nota-nota pada muka surat 13 – 36 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2021	283	36,804,611	36,804,894
Pelarasan Hasil Tahun Sebelumnya	-	(5,400)	(5,400)
Baki pada 1 Januari 2021 (dinyatakan semula)	283	36,799,211	36,799,494
Keuntungan bersih pada tahun semasa	-	8,376,411	8,376,411
Pada 31 Disember 2021	<u><u>283</u></u>	<u><u>45,175,622</u></u>	<u><u>45,175,905</u></u>
	Rizab Modal RM	Lebihan Terkumpul RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2020	283	26,810,953	26,811,236
Keuntungan bersih pada tahun semasa	-	9,993,658	9,993,658
Pada 31 Disember 2020	<u><u>283</u></u>	<u><u>36,804,611</u></u>	<u><u>36,804,894</u></u>

Nota-nota pada muka surat 13 – 36 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	Nota	2021 RM	2020 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Keuntungan sebelum cukai		8,739,112	10,982,324
Pelarasan untuk:			
Geran pembangunan		(5,936,574)	(5,514,390)
Peruntukan manfaat pekerja		5,711	123,989
Susut nilai loji dan peralatan		1,300,937	1,087,805
Pendapatan faedah		(1,453,803)	(2,110,577)
Kerugian daripada pelupusan loji dan peralatan		12,773	2,151
Perubahan dalam aktiviti operasi lain		(5,400)	-
Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja		2,662,756	4,571,302
Pengurangan/(Penambahan) dalam penghutang dan prabayar		112,379	55,437
(Pengurangan)/penambahan dalam pemiutang		(2,204,009)	(4,093,259)
Tunai dari aktiviti operasi		571,126	533,480
Cukai dibayar		(548,612)	(971,866)
Tunai bersih (digunakan dalam) / dari aktiviti operasi		22,514	(438,386)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Penempatan pelaburan jangka pendek		(990,482)	(6,610,189)
Faedah diterima		1,453,803	2,153,898
Pembelian loji dan peralatan	21	(3,750,286)	(9,394,891)
Geran Kerajaan Negeri		13,636,419	11,283,396
Tunai bersih (digunakan dalam)/dari aktiviti pelaburan		10,349,454	(2,567,786)
(Pengurangan) / Penambahan bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		10,371,968	(3,006,172)
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun		63,471,050	66,477,222
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	8	73,843,018	63,471,050

Nota-nota pada muka surat 13 – 36 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

1. AKTIVITI UTAMA

Di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999 – (Chapter 19)" Pustaka Negeri Sarawak (Pustaka) berperanan seperti berikut:-

- Menyediakan maklumat terkini, tepat, sesuai dan mudah diakses dalam pelbagai format sebagai bahan utama untuk perkembangan ekonomi dan pembangunan sosial Negeri dan warganya.
- Membangun dan menyumbang kepada pangkalan data bibliografi yang sesuai dengan bahan rujukan yang diterbitkan di Sarawak.
- Menjadikan Pustaka sebagai pembekal maklumat Negeri Sarawak.
- Menyertai rangkaian perpustakaan dan perkhidmatan maklumat di peringkat nasional dan antarabangsa.
- Menyediakan persekitaran pembelajaran melalui program dan pameran yang dianjurkan supaya dapat menambah kesedaran tentang kepentingan perkhidmatan maklumat dan mengajar tentang kemahiran penyelidikan maklumat.
- Mengurus dan mentadbir Depositori Negeri dan berfungsi sebagai Pusat Rekod Awam Negeri.
- Menubuhkan, mengurus dan menyelenggara arkib awam Negeri.
- Mempromosi amalan pengurusan rekod dan arkib Negeri secara efektif dan efisien.
- Menubuhkan, menyelenggara dan mengurus pusat rekod.
- Menyedia latihan dan tunjuk ajar dalam pengurusan rekod awam dan arkib awam.

2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan mematuhi *Malaysian Private Entities Reporting Standard* (MPERS) yang dikeluarkan oleh *Malaysian Accounting Standards Board* (MASB).

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

2. MEMATUHI PIAWAIAN LAPORAN KEWANGAN (sambungan)

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia (RM) yang merupakan mata wang fungsian Pustaka.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan untuk diterbitkan oleh Lembaga Pengurusan pada 1 April 2022.

3. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Pengurusan risiko kewangan Pustaka adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan operasi di samping menguruskan kadar faedahnya dan kecairan. Pustaka beroperasi dengan garis panduan jelas mengikut "The Sarawak State Library Ordinance, 1999". Pustaka juga tidak mengambil bahagian dalam transaksi spekulasi.

a) Risiko Kadar Faedah

Risiko utama kadar faedah berhubung hutang faedah, memandangkan Pustaka tidak mempunyai jumlah besar aset berfaedah jangka panjang pada 31 Disember 2021. Pelaburan dalam aset kewangan pada lazimnya untuk jangka pendek dan ianya tidak dipegang atas tujuan spekulasi.

b) Risiko Kecairan

Pustaka sentiasa menguruskan profil hutang matang, aliran tunai operasi dan kesediaan bantuan kewangan untuk memastikan bahawa semua keperluan bayaran balik dan bantuan kewangan dapat dipenuhi. Sebagai pengurusan kecairan berhati-hati, Pustaka telah mengekalkan tahap tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk memenuhi permintaan modal kerja. Pustaka juga berusaha untuk mengekalkan kedudukan kecairan pada tahap yang munasabah kepada keseluruhan kedudukan hutangnya.

4. ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan ini telah disediakan mengikut kelaziman kos sejarah.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

4. ASAS PENYEDIAAN (sambungan)

Pengurusan telah menggunakan anggaran dan andaian dalam mengukur jumlah aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan serta amaun hasil dan perbelanjaan sepanjang tempoh laporan ini. Pertimbangan dan andaian yang digunakan dalam pengukuran, dan dengan itu, keputusan sebenar mungkin bertepatan dengan jumlah yang dilaporkan. Perkara yang melibatkan pertimbangan dan ketidaktentuan anggaran penting dinyatakan dalam Nota 6.

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING

(a) Buku Perpustakaan

Pendaftaran koleksi bahan di Pustaka Negeri Sarawak telah direkodkan di dalam sistem Pengurusan Perpustakaan Bersepadu, Angkasa.

(b) Loji Dan Peralatan

Aset nyata operasi yang digunakan untuk lebih daripada satu tempoh perakaunan bagi pengeluaran dan pembekalan barang dan perkhidmatan, untuk tujuan pentadbiran atau disewa kepada orang lain diiktiraf sebagai hartanah, loji dan peralatan apabila Pustaka memperoleh kawalan aset. Aset, termasuk alat ganti utama, peralatan yang diservis, dan peralatan gantian, dikelaskan ke dalam kelas yang sesuai berdasarkan kepada jenisnya. Sebarang penggantian berikutnya bagi komponen penting dalam aset yang sedia ada dipermodalkan sebagai komponen baru dalam aset dan komponen yang lama tidak lagi diiktiraf.

Semua loji dan peralatan pada mulanya dinyatakan pada kos. Bagi aset yang dibeli, kos terdiri daripada harga pembelian tambah semua kos langsung yang ditanggung dalam membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan untuk kegunaan pihak pengurusan. Bagi aset yang dibina sendiri, kos terdiri daripada semua kos langsung dan tidak langsung pembinaan (termasuk peruntukan bagi membaik pulih dan kos pemeriksaan utama) tetapi tidak termasuk keuntungan dalaman.

Loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai. Susut nilai diperuntukkan mengikut kaedah garis lurus supaya memansuhkan kos setiap harta di sepanjang anggaran hayat kegunaannya. Kaedah pengiraan susut nilai telah diubah dari asas tahunan ke asas bulanan mulai dari tahun 2001.

PUSTAKA NEGERI SARAWAK

(Ditubuhkan di bawah "Sarawak State Library Ordinance, 1999")

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

5. DASAR-DASAR PERAKAUNAN PENTING (sambungan)

(b) Loji Dan Peralatan (sambungan)

Loji dan peralatan diturunkan nilai pada amaun yang boleh didapatkan balik jika amaun yang boleh didapatkan balik kurang dari nilai buku bersih. Amaun yang boleh didapatkan balik adalah amaun yang lebih tinggi antara harga jualan aset bersih atau amaun yang digunakan.

Kadar-kadar tahunan susut nilai adalah seperti berikut:-

Kelengkapan Pejabat	20%
Perabot dan Peralatan	10%
Komputer dan Aksesori	20%
Kenderaan	20%
Pengubahsuaian Bangunan	10%

Kerja dalam proses tidak disusut nilai sehingga ia boleh digunakan.

(c) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Tunai dan kesetaraan tunai dalam penyata aliran tunai meliputi baki tunai dan bank deposit jangka pendek, berkecairan tinggi yang mempunyai tempoh matang yang singkat selama tiga bulan atau kurang dari tarikh pengambilihan.

(d) Geran Kerajaan Negeri

Pustaka tidak mengiktiraf geran kerajaan termasuk geran bukan kewangan pada nilai saksama, sehingga ada jaminan yang munasabah bahawa Pustaka akan mematuhi syarat-syarat yang disertakan bersama-sama geran dan geran tersebut akan diterima.

